- 2.4 We have the right to request that the person covered undergo medical examination at any time by a legally qualified medical examiner appointed by us, at our cost, to support the TPD claim.

3. Termination of coverage

- 3.1 The takaful coverage will end on the earliest occurrence of any one of the following circumstances:
 - (a) upon death of the person covered and payment of death benefit;
 - (b) upon payment of total and permanent disability (TPD) benefit where TPD benefit is equal to the death benefit;
 - (c) Immediately after 6 consecutive months of non-payment of contribution;
 - (d) upon surrender;
 - (e) upon cancellation;

- (f) upon we exercise our right to discontinue this plan as part of a product withdrawal condition;
- (g) on the e-certificate anniversary date following the person covered's 50th birthday; or
- (h) as mentioned under the benefit conditions in the annexure of this master contract.



SUN LIFE MALAYSIA TAKAFUL BERHAD

KONTRAK INDUK

SUN COVER-I

KANDUNGAN

<u>Bahagian</u>	<u>Tajuk</u>	<u>Muka surat</u>
Lampiran SCI001	Pengenalan	3
Lampiran SCI002	Jadual kontrak induk	4
Lampiran SCI003	Peruntukan am	5
Lampiran SCI004	Peruntukan manfaat – Manfaat kematian	15
Lampiran SCI005	Peruntukan manfaat – Manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD)	17

LAMPIRAN SCI001

Pengenalan

Tujuan

Pelan takaful ini bertujuan untuk menyediakan perlindungan takaful kepada orang yang dilindungi sejajar dengan prinsip-prinsip di bawah dan akan diurus selaras dengan syarat-syarat yang ditunjukkan di bawah pelan ini.

Prinsip-prinsip asas

- | | |
|----------------|---|
| Pertama | Kami akan menguruskan pelan takaful ini sejajar dengan kontrak wakalah dan prinsip-prinsip Syariah yang berkenaan. |
| Kedua | Anda dan pemilik sijil mesti bersetuju dengan kami bagi mengumpul sumbangan. Anda dan pemilik sijil bersetuju untuk melantik Sun Life Malaysia Takaful Berhad untuk menguruskan pelan takaful ini bagi pihak anda. Sebagai balasan, anda dan pemilik sijil membenarkan kami untuk menolak amaun tertentu sebagai Yuran Wakalah. |
| Ketiga | Jawatankuasa Syariah kami akan memastikan operasi kami mematuhi Syariah pada setiap masa. Anda dan pemilik sijil bersetuju bahawa sumbangan yang dibayar selepas tolakan wakalah akan diperuntukkan sebagai tabarru' (sumbangan sukarela) ke dalam dana tabarru' peserta untuk perlindungan takaful dan untuk saling membantu kepada peserta yang lain sekiranya berlaku musibah. |

- Kami sengaja membiarkan baki muka surat ini kosong -

LAMPIRAN SCI002

Jadual kontrak induk

Jadual manfaat

Manfaat-manfaat	Jumlah yang dilindungi (RM)
(1) Kematian	60,000
(2) Hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD)	

LAMPIRAN SCI003

Peruntukan am

1. Takrifan

1.1 Di dalam kontrak induk ini, perkataan dan frasa berikut membawa maksud yang diberikan di sebelahnya:

- (a) **Tarikh sijil dikeluarkan** bermaksud tarikh kami mengeluarkan sijil seperti yang tertera di dalam sijil takaful.
- (b) **Pemilik sijil** bermaksud orang yang memiliki sijil dan dengan itu boleh melaksanakan segala hak, keistimewaan dan pilihan yang ada.
- (c) **Tempoh perlindungan** bermaksud tarikh perlindungan takaful bermula dan tamat seperti yang tertera di dalam e-sijil.
- (d) **Tarikh perlindungan tamat** bermaksud tarikh perlindungan tamat mengikut tempoh perlindungan di dalam e-sijil.
- (e) **Tarikh perlindungan bermula** bermaksud tarikh di mana perlindungan bermula mengikut tempoh perlindungan di dalam e-sijil dan mungkin berubah mengikut tarikh penerimaan amaun sumbangan yang berikutnya. Oleh itu, ia mungkin berbeza dari tarikh perlindungan bermula awal atau sebelumnya bergantung pada tarikh sumbangan diterima.
- (f) **Sijil takaful** bermaksud sijil individu yang dikeluarkan sebagai bukti perlindungan takaful.
- (g) **Sumbangan** bermaksud amaun sumbangan seperti yang tertera di dalam sijil takaful/e-sijil. Sumbangan perlu dibayar pada tarikh perlindungan tamat seperti yang tertera di dalam e-sijil atau sebarang pengendorsan pada masa depan.
- (h) **e-Sijil** bermaksud sijil digital individu yang dikeluarkan kepada orang yang dilindungi melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS), perkhidmatan pesanan segera atau sebarang kaedah komunikasi bertulis yang lain selepas menerima bayaran sumbangan. e-Sijil ini mengandungi tarikh perlindungan bermula dan tarikh perlindungan tamat.
- (i) **Ulang tahun e-sijil** bermaksud tarikh pada mana-mana bulan berikutnya yang mempunyai hari dan bulan yang sepadan dengan tarikh perlindungan bermula.
- (j) **Ulang tahun bulanan e-sijil** bermaksud tarikh pada mana-mana bulan berikutnya yang mempunyai hari yang sepadan dengan tarikh perlindungan bermula; sekiranya tiada tarikh dalam mana-mana bulan kalendar berikutnya yang mempunyai hari yang sepadan dengan tarikh perlindungan bermula, hari terakhir bulan tersebut akan dijadikan sebagai ulang tahun bulanan e-sijil.
- (k) **Pengendorsan** bermaksud bukti bertulis mengenai sebarang pindaan, perubahan atau penukaran yang dibuat ke atas kontrak induk dan sijil takaful.
- (l) **Tarikh berkuatkuasa awal** bermaksud tarikh permulaan seperti yang tertera di dalam sijil takaful.
- (m) **Pemegang kontrak induk** bermaksud sesuatu organisasi atau institusi yang dinamakan sebagai pemegang kontrak induk di dalam jadual kontrak atau sijil takaful.

- (n) **Penama** bermaksud satu atau lebih daripada satu orang yang dinamakan oleh pemilik sijil di bawah klausa 24 di dalam borang penamaan atau di dalam sebarang pengendorsan pada masa hadapan sebagai penama.
- (o) **Dana pengendali** bermaksud dana yang kami uruskan yang mana yuran wakalah bagi kontrak induk akan digunakan untuk membayar semua perbelanjaan operasi, komisen (yang mana berkenaan) dan kos pemasaran yang berkaitan dengan kontrak induk ini.
- (p) **Dana tabarru' peserta** bermaksud dana pegangan yang mana potongan tabarru' akan dikreditkan ke dalam, sejajar dengan terma-terma dan syarat-syarat yang dipaparkan di sini.
- (q) **Orang yang dilindungi** bermaksud orang yang hayatnya dilindungi di bawah kontrak induk ini seperti yang dinamakan di dalam sijil takaful
- (r) **Qard** bermaksud pinjaman tanpa faedah yang kami sediakan sekiranya berlaku defisit dalam dana tabarru' peserta.
- (s) **Syariah** bermaksud undang-undang Islam. Dalam konteks kontrak induk ini, Syariah merujuk kepada undang-undang Islam sebagaimana yang ditafsirkan oleh jawatankuasa Syariah.
- (t) **Jawatankuasa Syariah** bermaksud jawatankuasa yang kami bentuk untuk memberi nasihat ke atas operasi perniagaan takaful kami untuk memastikan ia mematuhi Syariah.
- (u) **Jumlah yang dilindungi** bermaksud amaun perlindungan untuk manfaat di bawah kontrak induk ini seperti yang tertera di dalam jadual kontrak induk.
- (v) **Tabarru'** bermaksud amaun sumbangan sukarela yang akan ditolak untuk perlindungan takaful.
- (w) **Hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD)** bermaksud yang berikut:

Jika orang yang dilindungi yang bekerja atau mengendalikan perniagaan sendiri

Jika orang yang dilindungi berumur antara 18 dan 50 tahun, dan bekerja untuk mendapat gaji atau mengendalikan perniagaan sendiri, mereka akan dianggap sebagai hilang upaya menyeluruh dan kekal jika mereka tidak mampu secara menyeluruh dan kekal untuk melakukan sebarang tugas, pekerjaan atau profesion untuk mendapatkan sebarang gaji, pampasan atau keuntungan. Hilang upaya ini mestilah berlanjutan sekurang-kurangnya 6 bulan berturut-turut.

Jika orang yang dilindungi tidak bekerja atau tidak mengendalikan perniagaan sendiri

Jika orang yang dilindungi berumur antara 18 dan 50 tahun, dan tidak bekerja untuk mendapat gaji atau tidak mengendalikan perniagaan sendiri atau merupakan seorang suri rumah sewaktu mengalami hilang upaya, kami menganggap TPD sebagai ketidakmampuan untuk menjalani sekurang-kurangnya 3 daripada 6 aktiviti kehidupan harian (seperti yang dinyatakan di bawah) tanpa bantuan orang lain. Hilang upaya ini mestilah berlanjutan sekurang-kurangnya 6 bulan berturut-turut.

- (i) Pemindahan – Duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal;
- (ii) Pergerakan – Keupayaan untuk bergerak dari satu bilik ke bilik yang lain tanpa memerlukan bantuan fizikal;

- (iii) Perihal mengawal – Keupayaan untuk mengawal fungsi usus dan pundi kencing secara sendirinya seperti menjaga kebersihan diri;
- (iv) Pemakaian – Memakai dan menanggalkan kesemua pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan orang lain;
- (v) Mandi/Membersihkan diri – Keupayaan untuk membersihkan diri di tempat mandi tab atau mandi pancuran (termasuk memasuki atau keluar dari tempat mandi tab atau mandi pancuran) atau membersihkan diri dengan cara yang lain; atau
- (vi) Makan – Kesemua tugas memasukkan makanan ke dalam badan apabila makanan telah disediakan.

TPD juga merangkumi keadaan seperti berikut:

- (i) Kehilangan penglihatan menyeluruh dan kekal pada kedua-dua mata;
- (ii) Kehilangan 2 anggota pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali yang disebabkan oleh pemutusan;
- (iii) Kehilangan penglihatan menyeluruh dan kekal pada 1 mata dan kehilangan 1 anggota pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali yang disebabkan oleh pemutusan; atau
- (iv) Lumpuh secara menyeluruh dan kekal.

2 daripada pemeriksa yang dilantik oleh perubatan kami mestilah berpuas hati bahawa hilang upaya orang yang dilindungi telah memenuhi takrifan TPD.

- (x) **Wakalah** bermaksud kontrak di mana pihak, sebagai prinsipal (Muwakkil) membenarkan pihak lain sebagai ejen (*Wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan. Di bawah pelan takaful ini, pemilik sijil melantik Sun Life Malaysia Takaful Berhad untuk menguruskan dana takaful berdasarkan kontrak Wakalah.
- (y) **Yuran wakalah** bermaksud jumlah yang dicaj dari sumbangan sebagai balasan bagi kami untuk bayaran perbelanjaan pentadbiran dan komisen (yang mana berkaitan).
- (z) **Kita** atau **kami** bermaksud Sun Life Malaysia Takaful Berhad.
- (aa) **Anda** bermaksud CIMB Islamic Bank Berhad iaitu pemegang kontrak induk seperti yang tertera di dalam jadual kontrak induk.

2. Interpretasi

2.1 Di dalam kontrak induk ini, kecuali konteks memerlukan sebaliknya:

- (a) tajuk di dalam kontrak induk ini dimasukkan untuk kemudahan sahaja dan tidak memberi kesan ke atas pembentukannya.
- (b) perkataan tunggal hendaklah merangkumi perkataan majmuk dan sebaliknya.
- (c) perkataan yang merujuk kepada jantina hendaklah merangkumi semua jantina.

- 2.2 Jika terdapat mana-mana peruntukan di dalam kontrak induk ini tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah Undang-undang Malaysia, ia tidak akan menjejaskan kesahan, kesahihan atau kebolehuatkuasaan peruntukan lain.

3. Kontrak induk

- 3.1 Kontrak induk ini dikeluarkan setelah mempertimbangkan borang permohonan pemilik sijil dan/atau orang yang dilindungi dan pembayaran sumbangan seperti yang tertera di dalam sijil takaful dan bergantung kepada jawapan yang diberikan oleh pemilik sijil dan/atau orang yang dilindungi di dalam borang permohonan atau sebarang soal selidik berikutnya yang kami berikan atas apa-apa perkara berkaitan dengan pendaftaran dan sebarang pendedahan yang dibuat oleh pemilik sijil dan/atau orang yang dilindungi di antara waktu pendaftaran dan waktu sijil takaful ini dibuat dan maklumat penting tersebut akan menjadi sebahagian daripada kontrak induk ini antara kami dengan anda dan/atau pemilik sijil. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat apa-apa salah nyataan pra-kontrak yang berkaitan dengan maklumat penting telah dibuat, hanya remedi di bawah Jadual 9 dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan dikenakan.
- 3.2 Jika kami memerlukan pemilik sijil dan/atau orang yang dilindungi, sebelum sijil takaful diubah, untuk menjawab sebarang soalan atau jika dia dikehendaki untuk mengesahkan atau meminda apa-apa perkara berkaitan sijil takaful yang sebelum ini dia dedahkan kepada kami, ia adalah tanggungjawab pemilik sijil dan/atau orang yang dilindungi untuk mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan atau mengesahkan atau meminda apa-apa perkara yang didedahkan sebelum ini.
- 3.3 Pemilik sijil dan/atau orang yang dilindungi mesti memaklumkan kami sebarang perubahan berkaitan dengan maklumat yang telah diberikan kepada kami dalam jawapan atau sebarang perkara yang sebelum ini didedahkan kepada kami berhubung dengan sijil takaful ini jika perubahan tersebut telah berlaku selepas pemilik sijil dan/atau orang yang dilindungi mengemukakan cadangan bagi perubahan tetapi sebelum sijil takaful diubah.

4. Kelayakan

- 4.1 Orang yang layak untuk perlindungan takaful adalah pelanggan pemegang kontrak induk seperti yang tertera di dalam jadual kontrak induk pada masa kemasukkan.
- 4.2 Pelanggan akan diminta mengisi borang permohonan untuk diserahkan kepada kami. Kami berhak sama ada untuk menerima atau menolak sebarang permohonan tertakluk kepada syarat pengunderaitan.

5. Tempoh semakan percuma

- 5.1 Sekiranya pemilik sijil membuat keputusan untuk tidak mengambil perlindungan takaful ini atas apa jua sebab selepas ia telah dikeluarkan, pemilik sijil boleh membatalkan perlindungan takaful dengan memberikan kami notis bertulis dalam tempoh 15 hari dari tarikh penghantaran sijil/e-sijil pertama.
- 5.2 Sebarang sumbangan yang dibayar oleh pemilik sijil akan dibayar balik jika pemilik sijil membatalkan perlindungan takaful semasa tempoh semakan percuma.

6. Kemampuan untuk melakukan perjalanan dan sebarang sekatan ke atas lokasi tempat kediaman pemilik sijil dan/atau orang yang dilindungi

- 6.1 Kontrak induk ini tidak menyekat orang yang dilindungi daripada melakukan sebarang perjalanan dan tidak dijejaskan oleh lokasi tempat tinggal orang yang dilindungi.

7. Bukti umur

- 7.1 Bukti umur ketika kemasukan atau sebelum bayaran manfaat-manfaat di bawah sijil ini adalah diperlukan. Dokumen (dokumen-dokumen) sijil anda menyatakan sama ada umur anda telah diakui. Sekiranya ia belum diakui, anda perlu menyerahkan salinan kad pengenalan, pasport atau sijil kelahiran kepada kami dengan secepat mungkin sebagai bukti umur untuk rekod kami.

8. Salah nyata umur dan/atau jantina

- 8.1 Sijil dikeluarkan untuk umur dan/atau jantina orang yang dilindungi seperti yang tertera di dalam sijil takaful, berdasarkan tarikh lahir dan/atau jantina yang diakui dalam permohonan. Kami perlu mendapatkan bukti umur orang yang dilindungi sebelum kami membayar sebarang manfaat.
- 8.2 Sekiranya umur dan/atau jantina orang yang dilindungi telah tersalah nyata, kami akan membuat satu daripada penyelarasan seperti berikut:
- a) Sekiranya sumbangan berdasarkan umur dan/atau jantina orang yang dilindungi yang betul adalah lebih tinggi berbanding dengan sumbangan yang dibayar, maka kami akan membayar manfaat-manfaat secara pro rata berdasarkan nisbah sumbangan sebenar yang telah dibayar dengan sumbangan yang betul yang sepatutnya dibayar berdasarkan tarikh lahir dan/atau jantina yang betul orang yang dilindungi. Tarikh tamat seperti yang tertera dalam sijil takaful akan diselaraskan berdasarkan umur yang betul (jika berkenaan); atau
 - b) Sekiranya sumbangan berdasarkan umur dan/atau jantina orang yang dilindungi yang betul adalah lebih rendah berbanding dengan sumbangan yang dibayar, maka kami akan membayar balik perbezaan yuran wakalah dan tabarru' daripada dana pengendali dan dana tabarru' peserta. Tarikh tamat seperti yang tertera dalam sijil takaful akan diselaraskan berdasarkan umur yang betul (jika berkenaan).

9. Perubahan kepada kontrak induk

- 9.1 Kami berhak meminda terma-terma dan peruntukan-peruntukan kontrak induk ini bertujuan untuk mematuhi Undang-undang dan peraturan-peraturan Malaysia. Kami akan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya 14 hari terdahulu melalui pos biasa ke alamat terakhir anda yang diketahui dalam rekod kami atau melalui mod komunikasi alternatif lain.
- 9.2 Permintaan pemilik sijil untuk apa-apa perubahan atau pengendorsan kepada kontrak induk ini tidak akan sah kecuali jika kami benarkan dan kelulusan tersebut hendaklah diendorskan di bawah e-sijil / sijil takaful.

10. Tugas (pemindahan hak undang-undang)

- 10.1 Dari sisi undang-undang kami tidak akan menerima pemindahan kontrak induk atau sijil takaful ini kecuali pemindahan itu berdaftar dengan kami.

- 10.2 Kami tidak mempunyai sebarang tanggungjawab mengenai kesahihan pemindahan jika anda atau pemilik sijil membuat keputusan untuk memindah kontrak induk atau sijil takaful.

11. Hak dan kegunaan amaun yang terhutang

- 11.1 Kami mempunyai keutamaan atas sebarang amaun terhutang di bawah sijil takaful.
- 11.2 Kami boleh mengimbangi sebarang amaun yang kami terhutang kepada pemilik sijil (sebagai contoh: manfaat) di bawah sijil takaful ini dengan sebarang amaun yang pemilik sijil hutang kepada kami (sebagai contoh: sumbangan) di bawah sijil takaful.
- 10.3 Sekiranya amaun yang perlu dibayar semasa pengagihan lebihan (jika ada), keuntungan pelaburan (jika ada) dan/atau kematangan sijil (jika ada) adalah bersamaan dengan atau kurang daripada RM10 bagi setiap pemilik sijil pada setiap tahun kewangan akan dikreditkan ke akaun bank terkini pemilik mengikut maklumat dalam rekod kami. Sekiranya butiran akaun bank pemilik tidak diberikan kepada kami, amaun tersebut akan didermakan kepada pertubuhan kebajikan yang diluluskan oleh jawatankuasa Syariah kami.

12. Penyerahan

- 12.1 Pemilik sijil, boleh menyerahkan sijil dengan memberikan kami notis bertulis pada bila-bila masa semasa hayat orang yang dilindungi dan semasa sijil takaful berkuatkuasa. Semua manfaat dan hak di bawah sijil takaful akan tamat pada tarikh perlindungan tamat mengikut tempoh perlindungan seperti yang ditunjukkan dalam e-sijil terkini selepas menerima notis tersebut.
- 12.2 Disebabkan sijil takaful tidak mempunyai nilai tunai, kami tidak akan membayar sebarang nilai tunai atau sumbangan pro-rata semasa penyerahan.
- 12.3 Klausula 5 akan dikuatkuasakan jika pemilik sijil membatalkan sijil takafull dalam tempoh semakan percuma.
- 12.4 Jika pemilik sijil menyerahkan sijil takaful selepas tempoh semakan percuma, sumbangan yang dibayar tidak akan dipulangkan.

13. Penamatan

- 13.1 Anda atau kami boleh menamatkan kontrak induk dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya 14 hari terdahulu. Walau bagaimanapun, perlindungan untuk setiap orang yang dilindungi akan berterusan sehingga ulang tahun bulanan e-sijil yang berikutnya.
- 13.2 Sijil takaful akan ditamatkan secara automatik di bawah keadaan berikut:
- (a) apabila orang yang dilindungi meninggal dunia dan pembayaran manfaat kematian;
 - (b) apabila pembayaran manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD) di mana manfaat TPD adalah bersamaan dengan manfaat kematian;
 - (c) sejurus selepas 6 bulan berturut-turut tanpa pembayaran sumbangan;
 - (d) apabila sijil takaful dibatalkan;
 - (e) apabila sijil takaful diserahkan;

- (f) apabila kami melaksanakan hak untuk menamatkan pelan ini sebagai sebahagian daripada keadaan pengeluaran produk;
- (g) pada tarikh ulang tahun e-sijil selepas hari lahir orang yang dilindungi yang ke-50; atau
- (h) seperti yang dinyatakan di bawah peruntukan manfaat dalam lampiran kontrak induk.

14. Tiada sumbangan bayaran dan tempoh tiada perlindungan

- 14.1 Sekiranya pemilik sijil tidak membayar sumbangan sebelum tarikh perlindungan bermula berikutnya, tiada perlindungan takaful akan diberikan dan tiada manfaat takaful akan dibayar dalam tempoh tiada bayaran sumbangan. Walau bagaimanapun, jika kami menerima pembayaran sumbangan, perlindungan takaful akan bersambung dan e-sijil yang menunjukkan tarikh perlindungan bermula dan tarikh perlindungan tamat akan dihantar kepada pemilik sijil selepas menerima pembayaran sumbangan.
- 14.2 Maksimum sehingga 6 bulan diberikan untuk mengaktif semula perlindungan takaful dari tarikh perlindungan tamat seperti yang ditunjukkan di dalam e-sijil terkini.
- 14.3 Sebaik sahaja tiada bayaran sumbangan melebihi 6 bulan, sijil akan dilupuskan.

15. Undang-undang

- 15.1 Kontrak induk ini dan tanggungjawab kami di bawah kontrak induk ini adalah tertakluk kepada undang-undang, syarat-syarat, peraturan-peraturan dan prinsip-prinsip Syariah yang sedang berkuatkuasa di Malaysia. Undang-undang, syarat-syarat dan peraturan-peraturan akan meliputi tetapi tidak terhad kepada mana-mana pekeliling, arahan atau garis panduan.
- 15.2 Sekiranya terdapat perbezaan antara syarat-syarat kontrak induk ini dengan mana-mana undang-undang, syarat-syarat atau peraturan-peraturan, undang-undang, syarat-syarat atau peraturan-peraturan tersebut akan dikuatkuasakan.
- 15.3 Kontrak induk ini akan ditakluk mengikut undang-undang Malaysia. Sebarang pertikaian akan diuruskan di mahkamah Malaysia.

16. Cukai

- 16.1 Semua cukai, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang cukai barangan dan perkhidmatan, dan/atau lain-lain bentuk cukai jualan atau kepenggunaan, sama ada yang berkuatkuasa pada masa ini atau dilaksanakan selepas tarikh sijil takaful akan dikenakan mengikut undang-undang yang berkenaan pada kadar semasa. Jika perlu, kami akan meminda terma-terma kontrak induk ini untuk mengambil kira cukai-cukai sedemikian.

17. Bayaran sumbangan

- 17.1 Bayaran sumbangan
Semua sumbangan perlu dibayar pada atau sebelum tarikh perlindungan bermula yang berikutnya kepada kami.
- 17.2 Kadar sumbangan adalah tidak dijamin dan mungkin disemak semula dari semasa ke semasa dengan memberi notis bertulis kepada pemilik sijil sekurang-kurangnya 14 hari terdahulu

sebelum ulang tahun bulanan e-sijil. Semakan akan berkuatkuasa pada ulang tahun bulanan e-sijil yang berikutnya selepas tempoh notis.

18. Wakalah

- 18.1 Kami akan menolak yuran wakalah, seperti yang ditakrifkan, daripada sumbangan yang dibayar bagi kontrak induk ini. Ia adalah peratusan (%) daripada sumbangan seperti yang ditetapkan di jadual kontrak induk ini.
- 18.2 Kami berhak untuk menyemak semula peratusan ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya 14 hari terdahulu kepada anda dan pemilik sijil. Semakan akan berkuatkuasa pada ulang tahun bulanan e-sijil yang berikutnya selepas tempoh notis itu.
- 18.3 Jika terdapat sebarang keadaan yang dianggap sebagai salah urus dan kecuaiian oleh kami, kami akan mengambil semua tindakan yang perlu untuk membetulkan keadaan sedemikian termasuk menyemak semula prosedur yang berkaitan dan jika diperlukan, untuk mengembalikan sebarang amaun yang terhutang kepada para peserta.
- 18.4 Sekiranya berlaku pembubaran sijil disebabkan pembatalan dalam tempoh semakan percuma, penyerahan sijil atau penamatan sijil, pemulangan semula keseluruhan atau sebahagian yuran wakalah, jika ada, akan menjadi sebahagian daripada amaun yang perlu dibayar.

19. Dana tabarru' peserta

- 19.1 Tabarru' akan ditolak secara bulanan daripada sumbangan bulanan yang ditolak dengan yuran wakalah dan akan diperuntukkan ke dalam dana tabarru' peserta, yang merupakan dana pegangan di mana kami membayar semua manfaat-manfaat takaful seperti yang dinyatakan di bawah kontrak induk ini. Dana tabarru' peserta tersebut dimiliki oleh kumpulan peserta takaful secara kolektif.
- 19.2 Tabarru' akan berkuatkuasa apabila terdapat sumbangan ke dalam dana tabarru peserta untuk perlindungan takaful.
- 19.3 Amaun tabarru' adalah tidak dijamin dan mungkin disemak semula dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya 14 hari terdahulu kepada anda dan pemilik sijil. Semakan akan berkuatkuasa pada ulang tahun bulanan e-sijil yang berikutnya selepas tempoh notis itu.
- 19.4 Kami akan menguruskan aset dana tabarru' peserta dan menentukan bagaimana ia dilabur dan diurus sejajar dengan Syariah. Keuntungan pelaburan (jika ada) akan menjadi sebahagian daripada pengiraan dan pengagihan perkongsian lebihan (jika ada).
- 19.5 Kami akan membayar semua kos, perbelanjaan dan caj-caj bagi pengurusan dan pelaburan asset-asset dana tabarru' peserta dan sebarang perbelanjaan lain yang berkaitan dari dana tabarru' peserta.
- 19.6 Jika dana tabarru' peserta adalah tidak mencukupi untuk membayar manfaat-manfaat takaful, kami akan mengaturkan Qard (pinjaman tanpa faedah) dari dana pengendali untuk membayar kekurangan tersebut. Qard akan dibayar balik apabila dana tabarru' peserta kembali kepada paras lebihan.
- 19.7 Sebarang pengagihan lebihan yang boleh diagihkan daripada dana tabarru' peserta selepas pembayaran balik Qard (jika ada) akan ditentukan setiap akhir tahun kewangan dan dikongsi seperti yang berikut:

- (a) 50% kepada kami; dan
- (b) 50% kepada pemilik sijil, jika layak

19.8 Pemilik sijil layak untuk pengagihan lebihan, jika ada, dengan syarat sumbangan yang diperlukan untuk pelan ini dibayar sebelum akhir tahun kewangan. Sekiranya pemilik sijil layak untuk pengagihan lebihan tetapi sijil takaful ditamatkan di bawah klausa 13 lampiran ini pada tarikh pengagihan lebihan, maka ia akan tertakluk kepada klausa 11 dalam lampiran ini.

20. Nilai tunai

20.1 Sijil takaful tidak mempunyai sebarang nilai tunai.

21. Pembaharuan

- 21.1 e-Sijil akan diperbaharui setiap bulan tertakluk kepada bayaran sumbangan dan terma-terma dan peruntukan-peruntukan kontrak induk ini.
- 21.2 e-Sijil akan dikeluarkan untuk setiap pembaharuan.

22. Syarat penarikan balik produk

- 22.1 Kami berhak untuk membatalkan kontrak induk ini dan sijil takaful secara menyeluruh jika kami mengambil keputusan untuk menamatkan pengurusan produk takaful ini dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya 14 hari terdahulu kepada anda dan pemilik sijil.
- 22.2 Kontrak induk ini dan sijil takaful, tertakluk pada bayaran sumbangan, akan berterusan sehingga tarikh perlindungan tamat mengikut tempoh perlindungan seperti yang ditunjukkan dalam e-sijil terkini selepas menerima notis tersebut.

23. Hak milik

- 23.1 Anda adalah pemilik sah kontrak induk ini.
- 23.2 Anda boleh menggunakan semua hak dan pilihan yang disediakan oleh kontrak induk ini (bergantung kepada hak sebarang penama yang sah di sisi undang-undang).

24. Penama

- 24.1 Pemilik sijil yang telah mencapai umur 16 tahun boleh menamakan seseorang untuk menerima manfaat-manfaat yang perlu dibayar atas kematiannya di bawah sijil takaful sama ada sebagai wasi, atau sebagai benefisiari di bawah hibah bersyarat. Penamaan boleh dibuat semasa pendaftaran sijil atau pada bila-bila masa selepas sijil takaful dikeluarkan.
- 24.2 Penama yang dinamakan di dalam borang penamaan atau apa-apa pindaan yang pemilik sijil buat pada masa hadapan, akan menerima manfaat-manfaat kematian mengikut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Pemilik sijil boleh membatalkan atau menukar penama pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Notis bertulis tersebut

hendaklah diterima dan didaftarkan oleh kami semasa hayat orang yang dilindungi. Pembatalan dan penukaran penama akan berkuatkuasa dari tarikh kami menerima notis bertulis tersebut.

25. Notis tuntutan

- 25.1 Pemilik sijil atau wakilnya yang sah mestilah memberi notis bertulis mengenai tuntutan di ibu pejabat kami dalam tempoh masa 30 hari dari tarikh kejadian yang dilindungi berlaku.

26. Bukti tuntutan

- 26.1 Bukti tuntutan yang memuaskan perlu diberikan kepada kami dalam tempoh masa 30 hari dari tarikh pemberian notis tuntutan kepada kami, atas perbelanjaan pemilik sijil atau wakilnya yang sah.
- 26.2 Kami berhak untuk meminta sebarang dokumen (dokumen-dokumen) tambahan lain sekiranya diperlukan untuk menyokong tuntutan.
- 26.3 Kami berhak untuk meminta orang yang dilindungi untuk menjalani pemeriksaan perubatan pada bila-bila masa oleh pemeriksa perubatan yang sah dan berkeelayakan dari segi undang-undang dan yang kami lantik, atas perbelanjaan kami, untuk menyokong tuntutan.

27. Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing Amerika Syarikat (FATCA)

- 27.1 Tidak berkenaan.

28. Membayar manfaat-manfaat

- 28.1 Kami akan membayar manfaat-manfaat takaful yang berkenaan di bawah sijil takaful kepada pemilik sijil atau penama (penama-penama) yang dinamakan menurut peruntukan manfaat yang terkandung di sini.
- 28.2 Manfaat-manfaat takaful yang berkenaan dengan orang yang dilindungi adalah ditentukan berdasarkan sijil takaful yang dikeluarkan bagi orang yang dilindungi tersebut.

29. Duti setem

- 29.1 Duti setem sebanyak RM10 akan ditanggung oleh kami.

LAMPIRAN SCI004

Peruntukan manfaat – Manfaat kematian

1. Manfaat kematian

- 1.1 Tertakluk kepada peruntukan am kontrak induk ini, sewaktu sijil takaful ini berkuatkuasa, sekiranya kami menerima bukti yang memuaskan mengenai kematian orang yang dilindungi dan apabila tuntutan tersebut diluluskan, kami akan membayar manfaat sekali gus berdasarkan jumlah yang dilindungi seperti yang tertera di dalam sijil takaful tolak sebarang keterhutangan, yang dibayar dari dana tabarru' peserta.
- 1.2 Kami akan menolak sebarang amaun yang pemilik sijil berhutang kepada kami daripada manfaat ini.
- 1.3 Sijil akan ditamatkan selepas kematian orang yang dilindungi atau pembayaran tuntutan di bawah manfaat ini.

2. Prosedur tuntutan

- 2.1 Bukti kematian yang memuaskan perlu dikemukakan kepada kami dalam tempoh 30 hari selepas tarikh kematian. Kegagalan untuk memberi notis dalam tempoh yang ditetapkan tidak akan menyebabkan tuntutan tersebut tidak sah jika ia dapat ditunjukkan bahawa secara munasabah tidak mungkin untuk memberikan notis tersebut dan notis telah diberikan dengan segera dalam masa yang munasabah.
- 2.2 Kami akan menyediakan borang tuntutan yang sewajarnya kepada penuntut semasa pemberitahuan tuntutan. Kami juga memerlukan semua dokumen dan maklumat yang berkaitan untuk menilai tuntutan dengan secepat mungkin.
- 2.3 Kami hanya akan menilai tuntutan tersebut selepas kami menerima semua dokumen, maklumat dan bukti yang diperlukan.

3. Penamatan perlindungan

- 3.1 Perlindungan takaful akan ditamatkan dalam mana-mana keadaan berikut yang terawal:
 - (a) apabila orang yang dilindungi meninggal dunia dan pembayaran manfaat kematian;
 - (b) apabila pembayaran manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD) di mana manfaat TPD adalah bersamaan dengan manfaat kematian;
 - (c) sejurus selepas 6 bulan berturut-turut tanpa pembayaran sumbangan;
 - (d) apabila penyerahan;
 - (e) apabila pembatalan;
 - (f) apabila kami melaksanakan hak kami untuk menamatkan pelan ini sebagai sebahagian daripada keadaan pengeluaran produk;
 - (g) pada tarikh ulang tahun e-sijil selepas hari lahir orang yang dilindungi yang ke-50; atau

(h) seperti yang dinyatakan di bawah peruntukan manfaat dalam lampiran kontrak induk.

LAMPIRAN SCI005

Peruntukan manfaat – Manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD)

1. Manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD)

- 1.1 Manfaat ini hanya berkenaan sekiranya orang yang dilindungi mengalami TPD seperti yang ditakrif, sewaktu sijil takaful berkuatkuasa, dan TPD bermula pada atau selepas tarikh sijil berkuatkuasa.
- 1.2 Tertakluk kepada peruntukan am kontrak induk, sewaktu sijil takaful berkuatkuasa dan sekiranya kami menerima bukti yang memuaskan bahawa orang yang dilindungi telah mengalami TPD dan apabila tuntutan tersebut diluluskan, kami akan membayar manfaat sekali gus berdasarkan jumlah yang dilindungi seperti yang tertera di dalam sijil takaful tolak sebarang keterhutangan, yang dibayar dari dana tabarru' peserta.
- 1.3 Kami akan membayar amaun yang perlu dibayar tolak sebarang keterhutangan dari manfaat ini.
- 1.4 Jumlah agregat maksimum untuk manfaat TPD yang dibayar bagi setiap orang yang dilindungi di bawah ini dan semua kontrak atau sijil individu dan berkelompok yang lain yang kami keluarkan tidak akan melebihi RM2,000,000.
- 1.5 Sijil takaful akan ditamatkan selepas pembayaran tuntutan di bawah manfaat ini di mana manfaat TPD adalah sama dengan manfaat kematian.
- 1.6 Jika orang yang dilindungi meninggal dunia sebelum manfaat TPD dibayar, manfaat kematian akan dibayar selepas kami telah menerima dokumen yang lengkap, dan manfaat TPD tidak akan dibayar. Sijil seterusnya akan ditamatkan.

2. Prosedur tuntutan

- 2.1 Pemilik sijil atau wakilnya yang sah perlu menghantar notis bertulis kepada kami dalam tempoh 30 hari untuk membuat tuntutan bagi manfaat TPD selepas tarikh ketidakupayaan tersebut.
- 2.2 Bukti TPD yang memuaskan perlu diberikan sebelum kami mempertimbangkan tuntutan ini atas perbelanjaan pemilik sijil atau wakilnya yang sah.
- 2.3 Kami tidak akan mempertimbangkan sebarang ketidakupayaan yang berlangsung kurang daripada 6 bulan.
- 2.4 Kami berhak untuk meminta orang yang dilindungi untuk menjalani pemeriksaan perubatan pada bila-bila masa oleh pemeriksa yang berkeelayakan dan sah yang kami lantik, atas perbelanjaan kami, untuk menyokong tuntutan TPD.

3. Penamatan perlindungan

- 3.1 Perlindungan takaful akan ditamatkan dalam mana-mana keadaan berikut yang terawal:
 - (a) apabila orang yang dilindungi meninggal dunia dan pembayaran manfaat kematian;
 - (b) apabila pembayaran manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD) orang yang dilindungi di mana manfaat TPD adalah bersamaan dengan manfaat kematian;

- (c) sejeurus selepas 6 bulan berturut-turut tanpa pembayaran sumbangan;
- (d) apabila penyerahan;
- (e) apabila pembatalan;
- (f) apabila kami melaksanakan hak untuk menamatkan pelan ini sebagai sebahagian daripada keadaan pengeluaran produk;
- (g) pada ulang tahun e-sijil selepas hari lahir orang yang dilindungi yang ke-50; atau
- (h) seperti yang dinyatakan di bawah peruntukan manfaat dalam lampiran kontrak induk.